

# Ramai pertahan 'abang jual belon'

Persoal kewajaran anggota DBKL bertindak kasar terhadap peniaga di Jalan TAR

SHAH ALAM

Pelbagai pihak tampil mempersoalkan tindakan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang didakwa mengasari 'abang jual belon' di Jalan Tunku Abdul Rahman pada Jumaat.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, beliau amat terkejut dan sedih dengan kejadian yang menimpa penjaja terbabit.

Malah, beliau turut mempersoal adakah tindakan kasar itu antara sebahagian daripada prosedur operasi standard (SOP) pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Ini kan nak musim raya, biarlah kalau dia nak berniaga sekali pun.

"Dia diperlakukan secara kasar kerana dia pun ada anak, isteri, ada juga saudara-mara. Kalau saudara-mara dan anak tengok dia diperlakukan begini apakah perasaan mereka, dah tentu mereka sedih," katanya menerusi hantaran video di Facebook pada Sabtu.

Terdahulu, tular beberapa rakaman video memaparkan insiden kekecohan selepas berlaku perselisihan antara penguat kuasa DBKL dan penjual barangan tanpa lesen.



Video kekecohan yang berlaku antara peniaga dan penguat kuasa DBKL tular di media sosial.



DR MUHAMAD AKMAL

Rakaman video yang dipercayai diambil peniaga sekitar lokasi itu pada mulanya menunjukkan beberapa anggota penguat kuasa DBKL sedang merampas belon yang dijual seorang individu, namun suasana bertukar menjadi kecoh selepas peniaga berkenaan dipercayai tidak memberi kerjasama.

Dr Muhamad Akmal dalam masa sama turut meminta orang ramai supaya mencari peniaga tersebut bagi menuntut keadilan.

"Dia adalah manusia dan bukan binatang yang boleh diperlakukan begitu rupa. Tolonglah ada belas ihsan. Dua, tiga jam (berniaga). Berapalah dia dapat.

"Kita akan cari abang ni, kita akan lawan di mahkamah. Pemuda UMNO akan lawan kamu (DBKL), kita akan menuntut keadilan," tegasnya.

Dalam pada itu, Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Muhammad Kamil Abdul Munim berkata, tindakan penguat kuasa DBKL itu dianggap perbuatan keji yang tidak boleh diterima.

"Sementara menunggu laporan penuh, kami mengesahkan tindakan tersebut.

"Apa sahaja alasan daripada pihak DBKL tidak boleh sama sekali menghalalkan tindakan keji dan biadab seperti itu," katanya menerusi aplikasi X.

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Gulam Muszaffar Ghulam Mustakim pula

mendakwa DBKL sudah berubah menjadi serigala.

"Mengucap panjang dan sedih melihat satu video viral. Adakah DBKL sudah berubah menjadi serigala? Membaham mangsa tanpa ada belas kasihan, peniaga dan penjaja kecil ibarat kambing biri-biri.

"Mungkin terdapat dalam kakitangan DBKL berasa bangga dan ingin menunjuk kepada Datuk Bandar atau menteri bahawa mereka laksana arahan...menindas si kambing biri-biri yang tidak berdaya lawan dengan kuasa diberikan tetapi digunakan secara songsang.

"Masih terngiang di telinga apabila Perdana Menteri berbicara soal penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan supaya terbela juga nasibnya tetapi sebenarnya indah khabar dari rupa," katanya.

Gulam Muszaffar turut mempersoalkan sekiranya tindakan itu merupakan antara sebahagian daripada SOP PBT berkenaan.

"Minggu lepas viral seorang penjaja yang hanya menjual air mineral dan tisu di Dataran Merdeka juga dirampas barangan jualannya. Adakah ini SOP baharu DBKL atau arahan Datuk Bandar atau menteri yang kebetulan keduanya wanita.

"Adakah ini cara terbaik untuk menyelesaikan masalah dan bertindak seperti serigala. Mana pertimbangan, tahap empati dan nilai budi bicara yang selama ini ada di dalam jiwa DBKL," ujarnya.

Gulam Muszaffar mendakwa, ada perkara yang lebih bahaya berbanding barang dirampas.

"Yang pasti baru-baru ini ada isu yang haram telah menjadi halal. Syabas dan tahniah diucapkan kerana menjadi serigala jadian," katanya.